



Adakah Penyediaan Kemudahan Awam untuk Orang Kurang Upaya di Malaysia Mencukupi? Satu Tinjauan Sosio-Perundangan Ringkas

Hak Orang
Kurang Upaya

*Does Provision of Public Facilities for the Disabled in
Malaysia Sufficient? A Brief Socio-Legal Overview*

73

CHARMILAA KRISHNAMOORTHY
AHMAD AZAM MOHD SHARIFF (Corresponding Author)
MOHAMAD AZHAN YAHYA
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor.
aazam@ukm.edu.my

Submitted: 17 August 2022
Revised: 5 October 2022
Accepted: 13 October 2022
E-Published: 31 October 2022

MUHAMMAD MUQRIS ALIF ZAIRIASDI
Tetuan Sharif Ridzuan & Co
No 22A, & 24A, Jalan Putra Square 1, Putra Square,
25200 Kuantan, Pahang.
muhammadmuqrisalif@gmail.com

ABSTRAK

Orang Kurang Upaya adalah anggota istimewa dalam masyarakat yang perlu dilindungi. Pada hakikatnya, kemudahan asas awam adalah nadi bagi OKU dalam menjalani kehidupan sosial mereka. Malah kemudahan asas awam ini diperlukan di dalam pendidikan, pekerjaan dan kehidupan harian mereka. Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan beberapa undang-undang lain digubal untuk memelihara dan menjamin kebolehaksesan orang kurang upaya kepada kemudahan awam di Malaysia. Namun realitinya, kehidupan OKU masih diranjau dengan pelbagai cabaran dan kesukaran. Ini berikutan kurangnya persekitaran serta kemudahan awam yang boleh diakses. Walaupun ada kemudahan yang disediakan, ada di antara kemudahan tersebut yang sukar diakses oleh mereka. Penulisan ini meninjau permasalahan berkaitan kebolehaksesan OKU kepada kemudahan awam yang disediakan. Memandangkan ia adalah merupakan sebuah kajian sosio-perundangan, sumber data adalah diperolehi dari kajian perpustakaan, antaranya ialah kes-kes yang diputuskan, laporan awam dan peruntukan undang-undang. Penulisan ini juga turut berasaskan kepada kajian lapangan yang telah dilaksanakan dengan mengadakan temu bual dan tinjauan dalam kalangan anggota masyarakat Malaysia. Kesemua kandungan sumber ini telah dianalisis secara kritis. Penulisan ini mendapati masih ada di antara kemudahan awam yang agak sukar diakses oleh golongan OKU. Dalam masa yang sama, walaupun akta dan peruntukan undang-undang digubal bagi menjamin kebolehaksesan OKU kepada kemudahan dan prasarana awam,





penguatkuasaannya masih perlu diperkemaskan. Berdasarkan kepada permasalahan dan dapatan ini, penulisan ini mencadangkan cadangan penyelesaian yang difikirkan logik dan bersesuaian.

Kata Kunci: Orang Kurang Upaya, Kemudahan, Kemudahan dan Prasarana Awam, Kebolehaksesan, Sosial, Akta, Undang-undang

ABSTRACT

People with Disabilities are special members of the society who needs to be protected. In reality, basic public facilities are the lifeblood for the disabled in leading their social life. In fact, these basic public facilities are necessary for them in fulfilling their education, work and daily lives. The Persons with Disabilities Act 2008, together with several other laws are enacted to preserve and guarantee accessibility of the disabled to public facilities in Malaysia. However, the reality is that the lives of the disabled are still littered with challenges and difficulties. This is due to the lack of accessible environment and public facilities. Although there are facilities provided, some of these facilities are difficult to be accessed by them. This paper looks into problems relating to the disabled's accessibility to these provided public facilities. Since this is a socio-legal study, sources are derived from library studies where related cases, public reports as well as legal provisions are obtained. This writing is also based on field studies that have been carried out wherein interviews and surveys were conducted among members of the Malaysian public. All contents of the above sources are critically analyzed. This paper finds that there are some public facilities which are currently not so accessible to the disabled. At the same time, even though legislative acts and legal provisions are enacted to guarantee accessibility of the disabled to public facilities and amenities, its enforcements must be reinforced. Based on such problems and findings, this paper suggests logical and appropriate solutions.

Keywords: The disable, Facilities, Public facilities and Amenities, Accessibility, Social, Act, Law

PENGENALAN

Orang Kurang Upaya (OKU) yang kini turut dikenali sebagai Orang Kelainan Upaya, sentiasa terdedah kepada rintangan dan halangan dalam kehidupan harian mereka. Kehilangan upaya menggambarkan keadaan yang mana fungsi dan keupayaan seseorang itu berkurangan jika dibandingkan dengan manusia biasa yang lengkap fizikal serta keupayaan mereka (Nur Dayana Mohd Khalil et. al., 2022). Ini merujuk kepada fungsi individu seperti kelemahan fizikal, deria, kognitif, intelektual dan kesihatan mental. Kehilangan upaya boleh wujud sejak lahir atau timbul kemudiannya. Mereka yang menghadapi keadaan ini digelar Orang Kurang Upaya atau Orang Kelainan Upaya (OKU) (Charmilaa Krishnamoorthi, 2021).

Orang Kurang Upaya telah ditafsirkan oleh Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 sebagai "...seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan



dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat. Di samping itu, seksyen 2 Akta Orang Kurang Upaya 2008 pula mendefinisikan OKU sebagai "...termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat" (Akta Orang Upaya, 2008).

Berdasarkan data rasmi, bilangan orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar pada tahun 2018 mengikut kategori ketidakupayaan adalah seramai 497,390 orang. Antara bentuk ketidakupayaan yang ada adalah ketidakupayaan penglihatan iaitu seramai 36,171 orang, ketidakupayaan dari segi pendengaran ialah seramai 44,523 orang serta kurang upaya fizikal iaitu seramai 179,222 orang. Selain itu seramai 2,572 orang OKU menghadapi masalah pertuturan, 41,218 orang pula mengalami ketidakupayaan dari segi mental manakala 23,415 orang mengalami lain-lain jenis ketidakupayaan. Hakikatnya berkemungkinan lebih ramai lagi OKU di negara ini yang masih belum berdaftar memandangkan pendaftaran OKU adalah dijalankan secara sukarela di Malaysia (Charmilaa Krishnamoorthi, 2021).

Pelbagai inisiatif dan usaha diambil untuk membantu kelangsungan kehidupan mereka. Namun begitu, pada hakikatnya bukan semua usaha yang diambil dalam menyediakan kemudahan dan fasiliti dapat mengurangkan rintangan yang dihadapi oleh mereka. Justeru penulisan ini meninjau pelbagai cabaran dari sudut sosial yang dihadapi oleh golongan OKU di Malaysia secara umum. Penulisan kemudiannya menyentuh permasalahan berkaitan kebolehaksesan kepada kemudahan asas awam yang disediakan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dari perspektif perundangan.

PERMASALAHAN DAN CABARAN SOSIAL GOLONGAN OKU DI MALAYSIA

Kekurangan upaya bukan sahaja dilihat dari kesan kecacatan fizikal mahupun mental OKU. Sebaliknya ia turut berpunca daripada sikap dan persekitaran yang menghalang penyertaan penuh dan efektif mereka secara saksama dalam masyarakat. Hak kesamarataan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia seharusnya memberi peluang yang sama rata kepada golongan OKU untuk tinggal dengan aman dan bermaruah tanpa didiskriminasi (H Toran, 2010).

Namun pada hakikatnya, terdapat pelbagai halangan yang dihadapi oleh golongan OKU yang menghalang penglibatan diri dan interaksi mereka dalam kehidupan sosial masyarakat. Faktor kurang upayan diri memang secara semula jadi menjadi cabaran utama golongan OKU untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan sosial dan ekonomi serta dalam kehidupan peribadi dan pekerjaan. Malangnya kehidupan mereka kadang kala menjadi semakin sukar disebabkan faktor kemiskinan dan diskriminasi yang kadang kala berlaku ke atas sebahagian OKU dalam pelbagai urusan harian mereka. Menurut pandangan Md. Tah, (2014), golongan OKU secara umumnya mudah didiskriminasi serta mudah terdedah kepada penganiayaan oleh pelbagai pihak sama ada di dalam atau luar negara (H Toran, 2010; Charmilaa Krishnamoorthi, 2021; Nur Dayana Mohd Khalil et. al., 2022)



Di samping itu, faktor kekurangan keyakinan diri turut menjadi faktor halangan bagi golongan OKU mengintergrasikan diri dengan baik dalam kehidupan bermasyarakat. Ada kalanya orang kurang upaya mempunyai keyakinan diri yang lemah serta berpandangan bahawa mereka tidak layak atau tidak berkemampuan untuk mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti dan acara dalam masyarakat biasa. Malah, lebih memburukkan keadaan apabila ahli keluarga turut berasa malu dan rendah diri apabila mempunyai anak atau ahli keluarga berstatuskan OKU (Laveena D'Mello et al., 2017).

Tambahan pula, halangan fizikal turut menjadi faktor utama untuk penyertaan OKU secara sosial seperti pengangkutan dan bangunan, pusat komuniti, tempat bersukan dan pawagam yang tidak dapat akses (Laveena D'Mello et al., 2017). Orang kurang upaya menghadapi pelbagai masalah untuk bersosial dalam komuniti masyarakat. Penambahbaikan kualiti kehidupan masyarakat kurang upaya yang mempunyai pelbagai tahap dan jenis kecacatan adalah sesuatu tugas yang amat mencabar dan sukar dilaksanakan. Jika keadaan ini tidak ditangani dengan bijaksana, golongan OKU akan terus terabai (Masango, 2018) sekaligus menjejaskan peluang kepada pendidikan seperti sekolah, program pendidikan vokasional mahupun pekerjaan (Nur Dayana Mohd Khalil et. al., 2022).

Menurut H Toran (2010) dalam kajiannya bertajuk 'Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia', terdapat pelajar IPTA yang mempunyai sikap dan pandangan yang baik terhadap pelajar OKU. Namun tahap pengetahuan serta pendedahan mereka mengenai OKU dengan OKU adalah rendah. Pengetahuan mengenai OKU adalah penting dalam kalangan masyarakat untuk mengenali dan mengubah sikap dan pandangan terhadap OKU. Pengetahuan terhadap seseorang terutamanya mengenai hak dan kepentingan OKU adalah sangat penting. Menurut kajian Samsudin (2002), tanpa pengetahuan yang cukup, seseorang individu tidak boleh membuat keputusan dan tindakan yang positif terhadap sesuatu isu. Dengan ini, masyarakat tanpa pengetahuan yang cukup akan mengambil masa dalam menerima OKU sebagai sebahagian daripada kehidupan sosial mereka (H Toran, 2010).

Secara umumnya, tanpa pengetahuan yang mencukupi, sikap masyarakat terhadap OKU mungkin berbeza di mana mereka akan diberi layanan yang berbeza berbanding dengan yang berupaya. Lebih-lebih lagi, OKU berupaya untuk dilihat sebagai individu yang dikasihani dan dipandang rendah serta diragukan keupayaan dan kebolehan mereka. Keadaan ini berupaya mengakibatkan golongan OKU tersisih daripada kehidupan sosial masyarakat. Malah, mereka berkemungkinan menjadi bahan ejekan dan didiskriminasi dari semua aspek (Nur Dayana Mohd Khalil et. al., 2022).

Adalah kurang jelas sama ada penyisihan sosial ke atas golongan OKU seperti di atas berlaku di Malaysia. Sungguhpun begitu, hasil kajian lalu menggambarkan bahawa golongan kurang upaya adalah yang paling ketinggalan dalam arena pembangunan serta kepentingan asas dan hak mereka di merata negara di dunia. Kajian Howard dan O'Grady et al. (1999), (2004), berpendapat bahawa golongan OKU adalah



golongan yang paling kurang bernasib baik dalam kalangan masyarakat. Secara keseluruhannya, adalah jelas berdasarkan senario global bahawa golongan kurang upaya masih ketinggalan dari pelbagai aspek yang penting berbanding dengan masyarakat yang berupaya di negara ini (Laveena D'Mello et al., 2017; Masango, 2018).

PERUNDANGAN YANG DIPERUNTUKKAN BAGI GOLONGAN OKU DI MALAYSIA

Parlimen Malaysia telah menggubal serta meluluskan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Akta yang dirujuk sebagai 'Akta OKU 2008' ini telah diluluskan pada 24 Disember 2007 serta mula dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008. Akta OKU 2008 mengiktiraf bahawa ketidakupayaan yang dihadapi oleh manusia adalah tidak bersempadan atau had. Malah ketidakupayaan berkait rapat dengan faktor sikap dan persekitaran yang menyekat penyertaan OKU dalam masyarakat. Akta ini turut mengiktiraf kepentingan kebolehadksesan golongan OKU kepada persekitaran fizikal, sosial, ekonomi, kebudayaan, kesihatan dan pendidikan serta kepada maklumat dan komunikasi bagi menyokong penyertaan penuh OKU secara berkesan dalam masyarakat (Noorjannah, 2020). Disebabkan kebolehadksesan kepada persekitaran dan kemudahan asas sedia ada amat penting untuk kelangsungan kehidupan golongan OKU, maka Akta OKU yang telah digubal serta dikuatkuasakan diharap dapat memberi perkhidmatan, sekaligus memudahkan golongan ini menjalani kehidupan harian mereka.

Akta OKU 2008 (Akta 685) juga mengiktiraf bahawa OKU adalah berhak diberikan peluang dan perlindungan serta bantuan yang sama rata dalam segala hal dan keadaan. Ini walau bagaimanapun tertakluk kepada batasan dan sekatan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Akta OKU 2008 memperuntukkan hal ehwal berkaitan pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU serta penubuhan Majlis Kebangsaan bagi OKU dan perkara-perkara yang berkaitannya. Terdapat lima bahagian utama dan 46 seksyen dalam Akta OKU. Menurut Akta ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengklasifikasikan OKU kepada tujuh kategori iaitu kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya fizikal, masalah pembelajaran, kurang upaya pertuturan, kurang upaya mental dan kurang upaya pelbagai (Akta Orang Kurang Upaya, 2008).

Di samping itu, sokongan berterusan daripada pihak kerajaan kepada golongan OKU mendorong Malaysia meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) pada 19 Julai 2010, dengan reservasi ke atas Artikel 15 dan 18. Namun begitu, Malaysia masih belum lagi menandatangani Protokol Pilihan kepada Konvensyen ini (SUHAKAM, 2019). Tindakan meratifikasi CRPD merupakan satu langkah yang proaktif dan positif bagi membuktikan kesediaan Malaysia untuk melaksanakan hak asasi yang terkandung dalam CRPD bagi memperkasakan golongan OKU di Malaysia. Dari segi kemudahan pula, beberapa peruntukan dapat dilihat di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya. Kewajipan ini dapat dilihat



melalui undang-undang kecil yang dibuat di bawah seksyen 34A *Uniform Building by Laws 1984* (UBBL 1984). Menurut UBBL, adalah wajib bagi semua bangunan awam untuk menyediakan kemudahan untuk OKU. Peruntukan ini mewajibkan semua bangunan awam baru untuk menyediakan akses untuk membolehkan orang kurang upaya untuk masuk, keluar. Malah Akta tersebut turut mewartakan keperluan menyediakan kemudahan seperti tandas mesra OKU (Noorjannah, 2020).

Walaupun pihak kerajaan telah mengiktiraf dan memberi pelbagai akses dan hak kepada golongan OKU melalui pelbagai inisiatif dari segi sosial mahupun perundangan, perlaksanaannya masih lagi perlu dipertingkatkan terutamanya dalam aspek kemudahan awam OKU. Sebagai contoh, walaupun wujudnya peruntukan yang mengkehendaki penyediaan kemudahan awam yang boleh diakses, tuntutan tersebut tidak bersifat mutlak Justeru pemeraksanaan dan penguatkuasaan undang-undang untuk membantu golongan OKU perlu ditingkatkan di bawah Akta 2008. Ini kerana kemudahan yang disediakan masih didapati belum mencukupi sekaligus mengehadkan pergerakan dan kebolehaksesan mereka. Kemudahan tersebut perlu ditambah (atau ditambah baik) mengikut kesesuaian setiap jenis kurang upaya. Hanya dengan cara ini dapat memberi keselesaan golongan OKU dalam usaha menjamin kehidupan yang lebih baik untuk mereka (Charmilaa Krishnamoorthi, 2021).

PERMASALAHAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DALAM MENEGAKKAN HAK PENGAKSESAN GOLONGAN OKU KE ATAS KEMUDAHAN PRASARANA AWAM

Akta Orang Kurang Upaya 2008 mengiktiraf bahawa ketidakupayaan merupakan suatu konsep yang sentiasa berkembang. Ianya terhasil daripada interaksi antara orang kurang upaya dengan halangan sikap dan persekitaran yang menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Justeru, Akta Orang Kurang Upaya 2008 digubal bagi menghapuskan 'halangan' luaran dalam dalam menjamin kebolehaksesan golongan OKU kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam serta pengangkutan awam. Ini diperuntukkan di bawah Bab 1: Penggalakan dan Pembangunan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan OKU (Akta Orang Kurang Upaya, 2008).

Dalam menangani ketidakupayaan golongan OKU, Akta Orang Kurang Upaya 2008 mengiktiraf kepentingan kebolehaksesan golongan OKU kepada persekitaran fizikal, sosial, ekonomi, dan kebudayaan. Secara spesifik, kebolehaksesan berkualiti kepada kesihatan dan pendidikan serta maklumat dan komunikasi amat diberi perhatian dalam usaha membolehkan membolehkan penyertaan penuh dan berkesan OKU dalam masyarakat. Akta ini secara keseluruhannya mengandungi 46 seksyen yang merangkumi lima bahagian iaitu, Permulaan, Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya, Pelantikan Ketua Pendaftar, Pendaftaran Orang Kurang Upaya, Penggalakan dan Pembangunan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Orang Kurang Upaya dan akhir sekali Hal-hal Am.

Artikel 2 akta ini mentakrifkan beberapa istilah-istilah penting berkaitan OKU. Umpamanya, "orang kurang upaya" ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai



kekurangan jangka fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Penulisan ini menfokuskan kepada Bahagian IV Akta iaitu berkaitan Penggalakan dan Pembangunan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan OKU, Bab 1 Akta berkaitan 'Kebolehaksesan' (*Accessibility*) yang meliputi Artikel 26 (akses kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam), Artikel 27 (akses kepada kemudahan pengangkutan awam), Artikel 28 (akses kepada pendidikan) dan Artikel 29 (akses kepada pekerjaan) (Talib et al., 2016). Peruntukan di atas sebenarnya telah mencerminkan keseriusan inisiatif pihak kerajaan dalam mewujudkan, menambah baik serta memperkasakan kemudahan awam untuk golongan OKU di negara ini. Pada hakikatnya, selain Akta Orang Kurang Upaya 2008, terdapat beberapa Akta lain yang turut memainkan peranan dalam mewujudkan kemudahan dan prasarana awam bagi golongan OKU di negara ini.

Sistem perundangan bagi bangunan-bangunan di Malaysia menetapkan peranan pihak berkuasa tempatan sebagai pihak berkuasa perancang yang tunggal. Terdapat 151 pihak berkuasa tempatan di Semenanjung dan Timur Malaysia. Menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), sebanyak 98 pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia adalah pihak berkuasa perancang. Pihak berkuasa tempatan di negeri Sabah dan Sarawak pula diatur oleh Ordinan yang memberi mandat kepada kerajaan negeri untuk bertindak sebagai pihak berkuasa perancang. Kerajaan Persekutuan mengusulkan dan menyusun polisi-polisi, syarat peraturan, piawaian dan garis panduan untuk diterima pakai dan diwartakan oleh kerajaan negeri sehingga dapat dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan bagi tujuan menyelaraskan dan menyeragamkan sistem perundangan di negara. Malaysia juga memperuntukkan kod bangunan dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan dan terpakai kepada semua jenis bangunan yang dibina di kawasan pihak berkuasa tempatan (Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976).

Selain itu, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) pula memainkan peranan dengan memberikan garis panduan dalam merancang dan menyediakan kemudahan-kemudahan bagi OKU dalam perihal pengaksesan kepada jalan raya serta pengangkutan. Akta ini turut menekankan bahawa kebenaran mesti diperolehi dari pihak berkuasa berkenaan dalam membina jalan raya dan pemasangan saliran dengan syarat ia tidak mengganggu kehidupan seharian penduduk (Akta Pengangkutan Jalan, 1987).

Perundangan seterusnya yang dijadikan garis panduan dalam merancang dan menyediakan kemudahan bagi OKU ialah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Akta ini mengandungi peruntukkan berkaitan pembinaan jalan, parit dan bangunan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia. Penguatkuasaan peraturannya mesti seiring dengan piawai/standard teknikal ditetapkan di bawah Akta 133. Malah suatu Undang-Undang Kecil berdasarkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, mengenai keperluan aksesibiliti kemudahan di bangunan-bangunan Malaysia bagi pengguna Orang Kurang Upaya telah



diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1991 (Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974).

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) telah dipinda pada tahun 1991 untuk merangkumi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 34A ("UKBS 34A"). Berdasarkan undang-undang kecil ini, bangunan yang dibina mestilah yang boleh diakses oleh orang kurang upaya dan bangunan yang dibina sebelum peruntukan UKBS 34A juga mesti turut dilengkapi dengan kemudahan yang boleh diakses oleh golongan OKU (Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974). Kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi OKU mestilah mematuhi dan memenuhi Kod Amalan Piawaian Malaysia berkaitan Pengaksesan OKU Kepada Bangunan atau *Code of Practice on Access for Disabled Persons to Buildings* (Charmilaa Krishnamoorthi, 2021).

Kod Amalan Piawaian Malaysia ini dikeluarkan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM Berhad pada tahun 1991. Kod ini menyelia reka bentuk kemudahan-kemudahan khas di dalam bangunan supaya boleh digunakan secara mudah dan selamat oleh golongan orang kurang upaya. Perkara-perkara utama yang terkandung dalam kod amalan ini adalah spesifikasi piawaian mengenai ciri-ciri kemudahan golongan OKU seperti saiz, ukuran, jenis, bahan, dan reka bentuk yang sesuai dan selamat untuk digunakan oleh mereka. Kemudahan-kemudahan golongan OKU tersebut termasuklah 'ramp', pemegang tangan (*hand-rail*), tangga dan anak-tangga, tandas, 'bar', papan tanda dan simbol-simbol. Kod amalan Piawaian Malaysia yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut (JPBD, 2000).

Ternyata pemaktuban istilah "kebolehaksesan" dalam perundangan tidak menjamin kebolehaksesan golongan OKU kepada kemudahan di persekitaran mereka. Realitinya golongan OKU masih lagi menghadapi cabaran harian dalam mengakses kepada semua kemudahan dan prasarana awam sepenuhnya walaupun pelbagai peruntukan undang-undang yang mengawal selia telah wujud. Sebagai contoh, Akta OKU 2008 mengiktiraf pentingnya akses kepada persekitaran fizikal, sosial, ekonomi dan budaya, kesihatan, maklumat dan komunikasi yang membenarkan OKU untuk melibatkan diri dalam kalangan masyarakat dengan lebih berkesan. Artikel 26 secara khusus menyatakan bahawa OKU berhak untuk mengakses dan menggunakan kemudahan awam (Hussein & Yaacob, 2012). Namun, kebolehaksesan (*accessibility*) terhadap kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam dan akses kepada kemudahan pengangkutan awam seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 26 dan 27 masih kabur dan tidak jelas. Peruntukan ini menjelaskan bahawa golongan OKU bebas mengakses kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam dan pengangkutan selagi tidak membahayakan. Walau bagaimanapun peruntukan-peruntukan di atas tidak merujuk dengan jelas kepada keperluan mewujudkan prasarana dan kemudahan awam yang mesra pengguna untuk OKU (Hirwan Jasbir bin Jaafar et al., 2013).

Keberkesanan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dalam memastikan kebolehaksesan kemudahan awam bagi OKU juga belum terbukti. Perkara ini boleh dibuktikan apabila sebuah berita berkenaan "Prasarana mesra OKU di masjid menjadi



kurang” dalam Berita Online pada November 7, 2015. Laporan tersebut menyatakan bahawa tidak semua tempat ibadat khususnya masjid atau surau di negara ini menyediakan prasarana, kemudahan serta peralatan yang mesra OKU yang boleh memudahkan mereka mengikuti aktiviti di premis. Penulis menghujahkan di sini bahawa senario tersebut tidak seharusnya berlaku dengan berkuatkuasanya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Hasliza Hassan 2015, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974).

Mekanisme penguatkuasaan perlu diperkasakan. Malah ketiadaan penguatkuasaan undang-undang yang menjamin kebolehaksesan oleh golongan kurang upaya ke atas kemudahan awam boleh menjadi punca penyisihan dan pengabaian hak mereka (Bahari et al., 2016). Ketika Akta Orang Kurang Upaya 2008 digubal oleh jawatankuasa yang diketuai oleh Dato Mah Hassan, perhatian serta penekanan diberikan kepada mekanisme penguatkuasaan kerana menurutnya, “Akta tanpa mekanisme penguatkuasaan akan menjadi suatu kegagalan”. Pemeraksanaan mekanisme penguatkuasaan Akta ini berkeupayaan untuk melindungi golongan OKU dalam kehidupan harian mereka (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Namun perundangan yang sedia ada di Malaysia bagi golongan orang kurang upaya masih tidak mencukupi untuk kerajaan dan pihak berkuasa tempatan memantau dan memeriksa sama ada pembinaan bangunan dan persekitaran yang disediakan memenuhi dan mematuhi kewajipan yang diperuntukkan dalam undang-undang. Menurut Ch’ng (2010), perundangan semasa masih tidak mencukupi bagi pihak berkuasa tempatan untuk memantau persekitaran yang dibina sama ada memenuhi dan mematuhi standard minimum untuk kebolehaksesan OKU di Malaysia. Hal ini berlaku demikian kerana, ketiadaan mekanisme penguatkuasaan dalam Akta OKU 2008.

Selain itu, kuasa majlis kebangsaan atau negeri yang terhad serta ketiadaan peruntukan undang-undang spesifik mengenai kuasa tersebut dalam mana-mana kerajaan menyukarkan pemantauan ke atas dalam penyediaan, penambahbaikan serta pemeraksanaan kemudahan dan prasarana awam untuk golongan OKU di Malaysia. Dalam hal ini, Akta OKU 2008 tidak secara spesifik memperuntukkan kuasa Majlis Kebangsaan untuk bertindak kerana sebarang tindakan atau keputusan tidak boleh diambil sewenang-wenangnya. Akibatnya, kuasa Majlis Kebangsaan menjadi terhad serta tidak boleh bertindak di luar autoritinya untuk menegakkan hak golongan OKU. Dalam pada itu, walaupun *UN CRPD* juga telah diratifikasi, pada realiti, ianya masih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di negara.

PERUNDANGAN ANTARABANGSA

Selain itu, inisiatif yang berterusan oleh pihak kerajaan bagi golongan OKU juga mendorong Malaysia meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) pada 19 Julai 2010, dengan reservasi ke atas Artikel 15 dan 18. Namun begitu, Malaysia masih belum menandatangani Protokol Pilihan bagi Konvensyen ini (SUHAKAM, 2019). Walau bagaimanapun, langkah meratifikasi CRPD merupakan suatu tindakan yang proaktif dan positif yang membuktikan kesediaan Malaysia untuk melaksanakan hak asasi yang terkandung dalam CRPD bagi memperkasakan golongan OKU di Malaysia.



Malaysia juga telah menandatangani *Proclamation on the Full Participation and Equality of People with Disabilities in the Asia and Pacific Region* pada 16 Mei 1994 (Kementerian Pembangunan Wanita, 2019). Walau bagaimanapun, kemuncak kepada inisiatif yang membuktikan sokongan dan bantuan kebajikan kepada golongan OKU di Malaysia adalah penggubalan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Akta OKU 2008 yang digubal mengiktiraf hak dan layanan yang saksama kepada golongan OKU. Kesemua usaha dan ratifikasi di atas telah meletakkan Malaysia di atas landasan yang betul untuk membina, menambah baik serta memperkasakan kemudahan dan prasarana awam untuk kesejahteraan kehidupan golongan OKU di Malaysia.

KEBOLEHAKSESAN KEPADA KEMUDAHAN AWAM BAGI GOLONGAN OKU: PENILAIAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN

Penulisan ini secara keseluruhannya mendapati bahawa golongan kurang upaya masih menempuh pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian mereka dan kesukaran mereka tidak pernah berhenti.

Secara umum, adalah disarankan agar pihak berwajib memperkasakan aspek pendidikan OKU. Ini bagi memastikan agar golongan OKU mengetahui hak-hak mereka dalam kehidupan seharian. Adalah amat penting bagi pihak kerajaan memperkasakan aspek ini agar golongan OKU tidak ketinggalan dalam arus pemoden kehidupan. Dalam pada itu, pendidikan masyarakat umum haruslah ditingkatkan agar masyarakat berpengetahuan serta peka kepada hak, keperluan serta kesukaran yang dihadapi oleh golongan OKU dalam kehidupan seharian. Seterusnya, Akta OKU 2008 haruslah diselaraskan dengan Konvensyen dan harus dipinda semula dalam memastikan peruntukan diperbaharui dan sentiasa dipatuhi oleh semua warga Malaysia.

Penulis menyedari pelbagai usaha yang telah diambil oleh pihak kerajaan, pihak berkuasa serta agensi kerajaan dan swasta dalam membina, menambah baik serta memperkasakan kemudahan awam bagi OKU. Malah ia sudah tentu mengambil masa yang lama serta menelan kos yang amat tinggi. Walau bagaimanapun, usaha serta komitmen tersebut haruslah diteruskan selaras dengan kesedaran dan keperihatinan pihak kerajaan, swasta dan masyarakat Malaysia keseluruhannya ke atas golongan OKU di negara ini. Malah golongan OKU masih meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat perubahan ke atas pelaksanaan usaha di atas serta dalam penguatkuasaan Akta OKU 2008 secara umumnya.

Dalam menjayakan inisiatif kebolehaksesan ini, kemampuan, kesediaan teknologi, pengetahuan, perbezaan budaya, dan tahap perkembangan perlu diambil kira. Lebih-lebih lagi, pencapaian persekitaran yang berkebolehaksesan memerlukan penglibatan dan kerjasama antarabangsa dan nasional, termasuklah organisasi antarabangsa, kerajaan nasional, pereka, pengeluar teknologi dan produk serta golongan orang kurang upaya dan organisasi mereka.



Sebarang polisi dan dasar yang dirangka selepas ini haruslah memenuhi keperluan semua orang kurang upaya. Langkah pertama yang dilaksanakan adalah memantau dan menilai pelaksanaan undang-undang dan standard bagi kebolehadksesan. Sebuah badan pemantau yang bebas yang dianggotai oleh wakil pihak berwajib serta wakil orang kurang upaya boleh ditubuhkan untuk memantau kemajuan dalam kebolehadksesan serta mencadangkan penambahbaikan.

Selain itu, wujud keperluan untuk meningkatkan kesedaran dalam mengurangkan kejahilan dan prasangka yang wujud terhadap orang kurang upaya. Sebagai contoh, para pekerja atau pihak majikan harus dilatih untuk memberi layanan yang baik dan sama rata terhadap golongan OKU. Di samping itu, badan profesional dan institusi pendidikan harus memperkenalkan kebolehadksesan sebagai komponen utama dalam kurikulum latihan bidang seni, pembinaan, reka bentuk dan pemasaran. Penerapan komponen kebolehadksesan dalam kurikulum latihan boleh mendidik pihak terlatih agar mementingkan kebolehadksesan golongan OKU dalam kemudahan dan prasarana awam.

Peruntukan undang-undang mahupun pelaksanaan dasar baharu atau sedia ada haruslah mengadaptasikan reka bentuk sejagat (*universal design*) dalam penyediaan kebolehadksesan kemudahan. Dengan ini, pendekatan integrasi dan dasar inklusif harus diadaptasikan dalam menyediakan mana-mana kemudahan bagi OKU. Seterusnya, kemapanan sosial harus diberi layanan yang sama dengan ekonomi dan persekitaran. Konsep reka bentuk sejagat (UD) harus diguna pakai melalui penyediaan persekitaran binaan yang mesra untuk semua. Malah, juga terdapat keperluan untuk menganalisis kegunaan atau fungsi melalui pengukuran fizikal dan perbandingan dengan standard reka bentuk (menggunakan kumpulan kawalan).

Akhir sekali, peruntukan jelas harus dimasukkan ke dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 bagi menjamin kebolehadksesan prasarana dan kemudahan awam kepada golongan OKU di Malaysia. Peruntukan baru harus dengan jelas dan tegas menggariskan kewajipan pihak kerajaan dan swasta untuk membina, menambah baik serta memperkasakan setiap kemudahan serta prasarana awam di negara ini. Penambahbaikan undang-undang tersebut adalah menjadi pemangkin kepada pemeliharaan hak golongan OKU di Malaysia.

KESIMPULAN

Sehubungan itu, masyarakat sekeliling perlu mengambil inisiatif dalam menerima dan berinteraksi bersama-sama OKU dalam kehidupan sosial. Pihak berkuasa perlu mengambil inisiatif dalam membangunkan kemudahan serta prasarana asas. Langkah ini adalah perlu bagi membolehkan serta memudahkan golongan OKU mengambil bahagian dan melibatkan diri dalam persekitaran sosial tanpa sebarang halangan. OKU merupakan insan biasa yang ingin dihormati dan dihargai oleh orang lain. Mereka ingin diterima, dilindungi dan dihargai. Bagi masyarakat biasa, mendapat pendapat pekerjaan adalah suatu yang lumrah. Sebaliknya bagi seseorang yang kurang upaya, ianya merupakan satu anugerah yang amat bermakna. Oleh itu, kehidupan persekitaran sosial dan pekerjaan adalah amat penting bagi golongan OKU. Ianya



memberi kesempatan bagi mereka untuk mengintegrasikan diri dan bergaul serta menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat. Jika cabaran-cabaran yang dikupas dalam penulisan ini diatasi, ianya akan membawa sinar kepada golongan OKU dalam menyara diri dan keluarga, di samping memberi peluang kepada mereka untuk membuktikan kemampuan dan keupayaan mereka dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Geran Kompetitif Fakulti Undang-undang (UKM)(UU-2021-009) kerana membantu membiayai penerbitan kajian ini.

RUJUKAN

Akta Jalan, Parit dan Bangunan. 1974. *Undang-Undang Malaysia*.

<https://www.dbkl.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/5-akta-133.pdf>

Akta Orang Kurang Upaya 2008

Akta Pengangkutan Jalan.1987.
<https://www.mpbp.gov.my/sites/default/files/aktapengangkutanjalan.pdf>

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Bahari, F. B., Takom, L. a., Mutang, J. A., Madlan, L. W., Malek, M. D. A., & Ismail, R. (2016). Model Ketidakupayaan Sosial-Perubatan Bagi Orang Kurang Upaya Di Malaysia. *Southeast Asia Psychology Journal*, Vol. 4. <http://www.cseap.edu.my/sapj>

Charmilaa Krishnamoorthi. 2021. Kemudahan Awam Bagi Orang Kurang Upaya (Oku) Di Malaysia: Suatu Kajian Sosial Perundangan. Kertas Projek. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasan Toran, T. A. M., Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Nur Hazwani Hamzah. (2010). Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia. *AJTLHE*, 2. https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/16968/3.pdf

Hasliza Hassan. 2015. Prasarana mesra OKU di masjid masih kurang. *Berita Online*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/11/94981/prasarana-mesra-oku-di-masjid-masih-kurang>

Hirwan Jasbir bin Jaafar, Harlida Abdul Wahab, & Omar, H. 2013. *Right of Disabled Person under Persons with Disabilities Act 2008: A Case Study in the State of Perlis* International Conference on Business and Information, https://www.researchgate.net/publication/262298044_RIGHT_OF_DISABLED_PERS



ON_UNDER_PERSONS_WITH_DISABILITIES_ACT_2008_A_CASE_STUDY_IN_THE_STATE_OF_PERLIS

JPBD. 2000. Garis Panduan dan Piawai Perancangan Kemudahan Golongan Kurang Upaya. *Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, JPBD 1*. https://jpbdd.johor.gov.my/images/jpbddj_garis panduan/25_GP_Kemudahan_Golongan_Kurang_Upaya.pdf

Kementerian Pembangunan Wanita, K. M. 2019. Teks Ucapan menteri. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan/YB/Menteri/MinisterSpeechOpeningADF.pdf>.

Laveena D'Mello, Dr. Meena Monteiro, & B.M., D. G. (2017). Psycho-Social Problems faced by Persons with Disability. *International Journal of Management Technology, and Social Sciences (IJMTS)*, 2(2). https://www.academia.edu/44859388/Psycho_Social_Problems_faced_by_Persons_with_Disability

Masango, S. 2018. Some of the Challenges Faced by Disabled Persons. *Rise 'n' Shine Disability Magazine*. <https://risenshine.org.za/2018/08/06/some-of-the-challenges-faced-by-disabled-persons/>

Noorjannah, S. 2020. Orang Kurang Upaya (OKU) Autism. *Universiti Sains Malaysia*. https://www.academia.edu/7762392/Orang_Kurang_Upaya_OKU_Autism

Nur Dayana Mohd Khalil, Muhammad Shaberi, Dayang Puteri Nazirah Izhar, Azizah Mat Rashid & Azizah Mohd Rapini. 2022. Analisis Isu-isu Berkaitan Hak dan Permasalahan Orang Kurang Upaya di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Muwafaqat Vol. 5 No. 1 (2022)*.